

19/11/1999

Indeks Komposit mampu cecah 1,000 mata

SALOMON Smith Barney berkata, Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (IK BSKL) boleh mencecah 1,000 mata menjelang pertengahan tahun depan jika Barisan Nasional pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kembali berkuasa dengan majoriti yang besar.

"Dengan menganggap keputusan pilihan raya seperti yang dijangkakan, kami mensasarkan IK pada 1,000 mata pertengahan tahun 2000," kata agensi pembrokeran dan perundingan itu dalam satu laporan.

IK BSKL berada pada 719.39 pada sesi tengah hari semalam, turun daripada rekod tertinggi 1999 pada 870.39 mata, Julai lalu.

Laporan Salomon bertarikh 15 November, itu berkata kemungkinan terbaik kepada pasaran saham adalah Barisan Nasional kembali berkuasa dengan "kukuh tetapi majoriti yang kurang" sebanyak 70 peratus daripada kerusi yang dimenangi pada pilihanraya umum 29 November nanti.

Satu kemenangan 66 peratus daripada 193 kerusi akan memberikan Barisan Nasional majoriti dua pertiga.

"Kemenangan itu akan cukup kuat bagi mengekalkan kestabilan sementara memberikan isyarat kuat kepada kerajaan untuk mengekalkan agenda perubahannya," kata Salomon.

Perdana Menteri awal minggu ini berkata, Barisan Nasional akan mudah menang dengan majoriti dua pertiga pada pilihan raya kali ini. Barisan Nasional menang majoriti empat perlima atau 87 peratus daripada kerusi yang dipertandingkan pada pilihanraya umum 1995.

(END)